

Headline	Caltex Fuel Your School ke Johor dan Kedah		
MediaTitle	Kosmo		
Date	25 May 2013	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	115,967
Page No	30	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	136 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,182
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,546



Caltex Fuel Your School ke Johor dan Kedah

SELEPAS kempen komuniti Caltex Fuel Your School dapat dilaksanakan dengan jayanya di Pulau Pinang, fasa kedua program itu dilanjutkan ke Johor dan Kedah. Kali ini, jumlah dana yang disediakan berjumlah RM315,000.

Caltex Fuel Your School terbentuk hasil kerjasama Chevron Malaysia Ltd. (Chevron Malaysia) dan MyKasih Foundation. Ia bertujuan menyemarakkan pembelajaran sains, teknologi, bahasa Inggeris dan matematik (STEM).

Chevron Malaysia adalah pengendali runcit produk Caltex. Agihan jumlah itu membabitkan RM210,000 untuk 42 projek bilik darjah di sekolah awam di Johor. Bakinya pula diberikan kepada 21 projek di Kedah.

Bagi memperoleh dana itu, guru sekolah awam di kawasan

tersebut disaran menghantar kertas cadangan untuk memohon material atau barangan di bawah nilai RM5,000 menerusi laman web:

www.caltex.com.my/FuelYourSchool sebelum 18 Jun depan:

Dana tersebut diperoleh menerusi sumbangan stesen-stesen Caltex yang mengambil bahagian dalam kempen itu. Secara ringkasnya, setiap pembelian bernilai RM40, sebanyak RM1 akan disumbangkan.

Maklumat lanjut, terma dan syarat program itu boleh didapati menerusi laman web:

www.caltex.com.my/fuelyourschool.



PENGERUSI Negara Chevron Malaysia, Jeremy Oh (kiri) dan Pengarah Urusan Yayasan MyKasih, Jeff Perera melancarkan program Caltex Fuel Your School baru-baru ini.